



ANDALUS CORPORATION PTE LTD

KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2005

BUKIT BATOK, TAMPINES I & II, YISHUN, WOODLANDS PT
CHOA CHU KANG, MARSILING, JURONG WEST I & II, ADMIRALTY

NAMA : _____

MATA PELAJARAN : **SIRAH**

KBK : 1

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi 7 muka surat.
2. Masa untuk menjawab kertas soalan ini ialah 1 jam.
3. Semua jawapan mesti dibuat dalam kertas soalan yang disediakan.
4. Pastikan segala keterangan diri anda ditulis dengan betul dan sempurna.
5. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.

MARKAH		
A	40	
B	10	
C	20	
D	10	
	80	
Tanda Tangan Pemeriksa _____		
Tanda Tangan Waris _____		

KBK 1 / SIRAH

BAHAGIAN A (40 MARKAH)

Pilih jawapan yang tepat dan isikan di dalam kurungan yang disediakan.

SIRAH

1. Nabi Muhammad disusukan oleh _____.
 - a) Zainab
 - b) Fatimah
 - c) Halimatus Sa'diah ()

2. Nabi pernah mengikuti _____ berniaga ke negeri Syam.
 - a) bapa saudaranya
 - b) datuknya
 - c) abangnya ()

3. Erti Al-Amin ialah _____.
 - a) benar
 - b) jujur
 - c) pemurah ()

4. Dalam perjalanan ke Syam, _____ meneduhi Nabi daripada panas matahari.
 - a) awan
 - b) payung
 - c) topi ()

5. Selain berniaga, Nabi mengembala _____.
 - a) kambing
 - b) unta
 - c) lembu ()

6. Nabi menerima wahyu di gua_____.
- a) Tsur
 - b) Nur
 - c) Hira
- ()
7. Nabi mengajak orang Mekah memeluk agama _____.
- a) Hindu
 - b) Islam
 - c) Buddha
- ()
8. Erti 'Hijrah' ialah _____.
- a) pindah
 - b) menetap
 - c) bersiar-siar
- ()
9. Nabi mengajar Islam selama _____ di Madinah.
- a) 8 tahun
 - b) 9 tahun
 - c) 10 tahun
- ()
10. Pada usia _____ tahun Nabi wafat.
- a) 25
 - b) 40
 - c) 63
- ()

AKHLAK

11. Kebersihan menjamin _____.

- a) kekayaan
- b) kemiskinan
- c) kesihatan ()

12. Kita mesti rajin _____ rumah.

- a) membersihkan
- b) mengotorkan
- c) menyelerak ()

13. Masjid ialah tempat umat Islam _____.

- a) beribadah
- b) berkelah
- c) berpesta ()

14. Kita harus _____ sampah kita selepas berkelah.

- a) menyepah
- b) membiarkan
- c) membuang ()

15. Apabila berbual dengan orang tua kita mesti _____.

- a) meninggikan suara
- b) berlemah-lembut
- c) menengking ()

16. Ahmad harus _____ adiknya yang sedang menangis itu.

- a) marah
- b) memujuk
- c) memukul ()

17. Orang yang menyiksa haiwan adalah _____.

- a) zalim
- b) penyayang
- c) pembunuh ()

18. Bilik darjah mestilah _____ pada setiap hari.

- a) dicuci
- b) disapu
- c) dicat ()

19. Apabila ingin lakukan sesuatu yang baik, mulakan dengan menyebut _____.

- a) Alhamdulillah
- b) Insya Allah
- c) Bismilahirrahmanirrahim ()

20. Hamid bertemu dengan kawannya Rahim, ucapan yang harus yang di ucapkan ialah _____.

- a) terima kasih
- b) assalamualaikum
- c) maafkan saya ()

BAHAGIAN B (10 MARKAH)

Tandakan (✓) pada jawapan yang betul dan (×) pada jawapan yang salah.

SIRAH

1. Ketika usia 25 tahun, Nabi berkahwin dengan Siti Khadijah. ()
2. Semasa bersembunyi di Gua Tsur, sahabatnya Ali bin Abu Thalib telah menemani Nabi. ()
3. Nabi wafat pada 12 Rabiul Awal tahun 11 hijrah. ()

AKHLAK

4. Mengotorkan masjid adalah berdosa. ()
5. Ahmad menerima duit daripada ibunya, lalu dia mengucapkan “assalamualaikum”. ()

BAHAGIAN C (20 MARKAH)

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

awam	terakhir	menyembelih	Al-A'laq	cergas
berniaga	di cuci	Siti Khadijah	Alhamdulillah	10 hijrah

SIRAH

1. Nabi Muhammad adalah Nabi yang _____.
2. Abu Thalib _____ dan di bantu oleh Nabi Muhammad.
3. Dari ayat pertama hingga kelima dalam Surah _____ ada perintah baca, tulis dan belajar.
4. Wanita yang pertama memeluk agama Islam ialah _____.
5. Pada tahun _____, Nabi pergi menunaikan haji bersama-sama dengan kaum muslimin.

AKHLAK

6. Baju sekolah yang telah dipakai dua hari sudah patut _____.
7. Bilik darjah yang kemas dan bersih membuatkan kita _____ bila belajar.
8. Taman, pantai, pasar adalah contoh sebagai tempat _____.
9. Jika kita ingin _____ haiwan, mestilah menggunakan pisau yang tajam.
10. Nabil baru habis makan, dia harus ucapkan _____.

BAHAGIAN D (10 MARKAH)

Padankan frasa di bahagian (A) dengan frasa yang sesuai di bahagian (B)

(A)

(B)

- | | |
|---|---------------|
| 1. Nabi berbangsa Arab * | * dikemas |
| 2. Nabi pernah beribadat di gua * | * Quraisy |
| 3. Bilik tidur yang berselerak mestilah * | * beribadah |
| 4. Masjid adalah tempat * | * Insya-Allah |
| 5. Bila berjanji ucapkan * | * Hira' |

☞ Semoga Berjaya ☜